



SIARAN MEDIA

MAJLIS PENYERAHAN BANTUAN KEWANGAN BAGI INISIATIF PENYELENGGARAAN RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM (RIBI)

SUNGAI BULOH, 18 Julai 2023 – YB Tuan Nga Kor Ming (YB KM), Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan telah menyempurnakan **Majlis Penyerahan Bantuan Kewangan bagi Inisiatif Penyelenggaraan Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) Seluruh Negara** bertempat di Kuil Sri Maha Vana Dhurgai Amman, Sungai Buloh, Selangor pada petang ini.

Sebanyak lapan (8) buah RIBI di Negeri Selangor telah diberi bantuan kewangan yang melibatkan peruntukan sebanyak RM839,385.28 daripada keseluruhan 56 permohonan yang telah diluluskan berjumlah RM7.45 juta.

Di bawah Inisiatif Belanjawan 2023, Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah diberi tanggungjawab untuk melaksanakan Inisiatif Penyelenggaraan Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) Seluruh Negara. Sejumlah RM50 juta bantuan kewangan disalurkan oleh Kerajaan Perpaduan kepada organisasi RIBI di seluruh negara bagi tujuan menyelenggara dan membaik pulih rumah ibadat masing-masing dan memberikan keselesaan kepada penganutnya untuk beribadat.

Pada masa ini, semua permohonan bagi kerja-kerja pembaikan, pengubahsuaian, penyelenggaraan dan kerja-kerja kecemasan di rumah ibadat yang diterima akan melalui proses saringan di pihak urus setia dan penilaian oleh Pasukan Pemantauan dan Penilaian serta pertimbangan oleh Jawatankuasa *Taskforce* yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha KPKT selain perlu mematuhi Garis Panduan Inisiatif Penyelenggaraan RIBI yang telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan.

KPKT komited dalam melaksanakan inisiatif ini secara profesional, cekap dan telus bagi memastikan peruntukan di bawah inisiatif ini dapat diagihkan kepada organisasi RIBI yang layak secara adil dan saksama.

#MalaysiaMadani
#StrongerTogether
#DemiPertiwi
#UnityInDiversity

Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

*Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my*

